

28. KAJIAN PERSEPSI GOLONGAN SASAR INDUSTRI PERTANIAN DAN MAKANAN TERHADAP KESAN PKP SECARA ATAS TALIAN

Dr. Hairuddin Mohd. Amir¹, Ahmad Zairy Zainol Abidin¹, Mohd Zaffrie Mat Amin¹, Aimi Athirah Ahmad¹, Mohd Hafizudin Zakaria¹, Rasmuna Mazwan Muhammad¹, Mohd Syauqi Nazmi¹, Dr. Chubashini Suntharalingam¹, Syahrin Suhaimee¹, Farith Fariq Hashim¹ dan Noorhayati Suratmam¹

¹Pusat Penyelidikan Sosio Ekonomi, Risikan Pasaran dan Agribisnes

28.1. PENDAHULUAN

Pandemik COVID-19 telah melanda dunia bermula pada Disember 2019 dan terus merebak ke seluruh dunia. Kesan penuh virus ini terhadap keamanan makanan dan sistem makanan pertanian belum difahami, dan juga tidak diketahui, kerana penyebaran virus ini merentasi di seluruh benua dan negara. Apa pastinya, ia memberikan kesan negatif yang signifikan terhadap individu di sepanjang rantai bekalan makanan - daripada pengeluar hingga pemproses, pemasar, pengangkut dan pengguna (FAO 2020). Malaysia tidak terkecuali dengan kes pertama dikesan pada Januari 2020 dan terus meningkat. Untuk mengekang penularan COVID-19 ini, kerajaan telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 – 31 Mac 2020. Mekanisme PKP adalah dengan menyekat seluruh pergerakan di seluruh Malaysia kecuali beberapa pergerakan asas untuk sektor ekonomi dan keselamatan sahaja. Sebelum berakhirnya PKP pada 31 Mac 2020, kerajaan telah melanjutkan perintah PKP untuk membendung penularan pandemik sebanyak tiga kali iaitu untuk 1 – 14 April 2020, 15 – 28 April 2020 dan 29 April – 3 Mei 2020 sebelum disambung kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) selepas itu. Dalam tempoh PKP ini sahaja, pelbagai isu telah dibangkitkan melalui media massa akan kesukaran untuk meneruskan urusan seharian sama ada peribadi atau perniagaan.

Sewaktu PKP ini berlangsung, perbagai komen dan aduan daripada perbagai saluran di media sosial telah diadakan merentasi perbagai sektor industri. Sektor pertanian terkesan dan perlu dilindungi untuk melindungi kesejahteraan petani, penternak, nelayan dan pekerja yang kebanyakannya berpendapatan rendah (Ahmad Ashraf Shahrudin 2020). Berdasarkan laporan dari Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) pada akhir bulan Mac 2020, 52.6% rakyat Malaysia mengalami masalah kewangan dan dalam sektor pertanian, 21.9% kehilangan pekerjaan. Sepanjang tempoh ini juga, banyak laporan telah

diterima oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sama ada melalui pegawai jabatan dan agensi dan juga melalui media masa. Justeru, satu kajian segera terhadap kesan PKP ke atas golongan sasaran industri pertanian dan makanan telah dijalankan oleh MARDI atas arahan daripada MAFI. Kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui kesan PKP terhadap golongan sasaran di bawah MAFI. Ia ditujukan kepada semua petani, penternak, nelayan dan usahawan yang terlibat dalam aktiviti pertanian dan industri makanan di seluruh Malaysia dan dilaksanakan secara atas talian sepanjang arahan PKP Fasa ke- 3, bermula dari 17 – 28 April 2020.

28.2. LATAR BELAKANG

Kajian ini merupakan inisiatif MAFI untuk melihat kesan PKP kepada golongan sasaran. Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DPS), MAFI telah memberikan mandat ke Pusat Penyelidikan Sosio Ekonomi, Risikan Pasaran dan Agribisnes (Pusat ES), MARDI untuk menjalankan kajian ini. Objektif kajian ini memberi gambaran berkaitan senario pasaran semasa bagi produk keluaran golongan sasaran MAFI dan tanggapan mereka selepas penguatkuasaan PKP.

28.3. METODOLOGI


Kajian ini menggunakan soalan kajian yang dibuat secara atas talian ke atas usahawan, petani, penternak dan nelayan. Kajian ini dibuat menggunakan soalan kajian atas talian Google Form yang merangkumi empat bahagian iaitu:

- 1) Profil responden,
- 2) Operasi perusahaan/tanaman/ternakan/perikanan,
- 3) Kesan SEMASA PKP terhadap operasi perusahaan/tanaman/ternakan/perikanan dan
- 4) ANDAIAN kesan SELEPAS PKP terhadap operasi perusahaan/tanaman/ternakan/perikanan.

Data-data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan analisis deskriptif dengan memberi tumpuan kepada penggunaan frekuensi dan peratusan. Analisis ini bagi mendapatkan kekerapan pilihan jawapan usahawan dalam menggambarkan masalah, kekangan dan isu berkaitan semasa berlangsungnya PKP. Maklumat ini kemudian dijadualkan dan digrafkan untuk memberikan gambaran yang lebih menyeluruh.

28.4. DAPATAN KAJIAN

Jumlah responden yang diperoleh secara atas talian adalah seramai 1,733 orang. Mereka merupakan petani, penternak dan usahawan yang berjaya dihubungi melalui pegawai pengembangan dan agensi di bawah MAFI secara atas talian. Kategori komoditi responden terlibat adalah meliputi komoditi Tanaman (39%), Industri Asas Tani (28%), Ternakan (15%) dan Perikanan (10%). Manakala seramai 8% baki responden adalah yang terlibat dalam gabungan lebih daripada satu komoditi pertanian (seperti contoh tanaman dan ternakan atau ternakan dan IAT, dan lain-lain) (*Rajah 28.1*).



Rajah 28.1: Pecahan responden mengikut komoditi

Majoriti responden yang terlibat dalam kajian terdiri daripada etnik Melayu merupakan majoriti (79.1%) dan merupakan golongan yang berumur antara 31 – 40 tahun (35%). Manakala pecahan lokasi pula didapati ramai yang menjawab ialah mereka yang berada di Selangor (17.9%), Kedah (16.3%) dan Sabah (9.3%) seperti dalam *Jadual 28.1*.


Rajah 28.2 menunjukkan majoriti responden (91.1%) menghadapi kesukaran untuk memasarkan hasil dan produk pertanian mereka, terutama bagi yang terlibat dalam komoditi Tanaman 37.3%, IAT 29.2% dan Ternakan 15.3%. Manakala bagi Perikanan dan yang mempunyai lebih dua komoditi, berada pada 10.1% dan 8.2%. (*Rajah 28.3*).

Lima andaian yang diberikan kepada petani, penternak dan usahawan berkaitan mengapa kesukaran pemasaran adalah pasaran terhad/terganggu, kos operasi/mengurus meningkat, penangguhan tempahan produk, kesukaran pengangkutan dan pengedaran, dan kesukaran penyimpanan hasil. Maklum balas mendapati bahawa masalah pasaran yang terhad (57.8%) merupakan masalah paling utama dihadapi oleh mereka sewaktu PKP berlangsung. Diikuti


dengan masalah pengangkutan dan pengedaran (12.5%), kos pengurusan pemasaran yang meningkat (12.2%), penangguhan tempahan (11.9%) dan penyimpanan hasil (5.5%) (Rajah 28.4).

Jadual 28.1: Demografi responden


ETNIK		NEGERI (SEMASA PKP)	
Melayu	79.1%	Selangor	17.9%
Cina	8.4%	Kedah	16.3%
India	2.0%	Sabah	9.3%
Bumiputera Sabah	8.6%	Pahang	8.7%
Bumiputera Sarawak	1.3%	Perak	7.9%
Bumiputera Lain	0.5%	Johor	7.9%
Bukan warganegara	0.1%	Terengganu	6.8%
UMUR		Kelantan	5.7%
21 – 30 tahun	15.5%	P. Pinang	4.6%
31 – 40 tahun	35.0%	Sarawak	3.8%
41 – 50 tahun	27.3%	Melaka	3.3%
51 – 60 tahun	16.3%	N. Sembilan	3.0%
=> 61 tahun	5.9%	Perlis	2.5%
		K.Lumpur	1.4%
		Labuan	0.5%
		Putrajaya	0.2%



Rajah 28.2: Kesukaran pengedaran dan pemasaran produk pertanian semasa PKP




Rajah 28.3: Peratusan kesukaran pengedaran dan pemasaran produk pertanian semasa PKP mengikut komoditi




Rajah 28.4: Masalah pemasaran yang dihadapi sewaktu PKP

Masalah ini jika dilihat mengikut komoditi pula, masalah utama dihadapi oleh komoditi Tanaman, Ternakan dan Perikanan adalah sama dengan turutan masalah yang dihadapi secara keseluruhan. Namun begitu, bagi komoditi IAT, turutan masalah utama agak berlainan yang mana masalah yang paling utama adalah masih pasaran terhad namun diikuti dengan penangguhan tempahan, kos meningkat, masalah pengangkutan dan pengedaran dan akhir sekali penyimpanan hasil seperti dalam *Rajah 28.5*.


Kesan tidak langsung daripada masalah yang dihadapi mengarah kepada berlakunya kemungkinan lambakan terhadap produk-produk pertanian. Maklum balas responden menyatakan bahawa sebanyak 63.4% mengadu adanya lambakan hasil yang tidak boleh dipasarkan (*Rajah 28.6*). Bagi mereka yang terlibat lebih daripada satu komoditi, mereka merupakan kumpulan yang mempunyai lambakan paling tinggi sebanyak 80%. Diikuti perikanan (71%) Tanaman (70%) dan Ternakan (62%). Hanya komoditi IAT sahaja yang menghadapi masalah bawah 50% iaitu pada 47% sahaja (*Rajah 28.7*).



Rajah 28.5: Peratusan masalah pemasaran yang dihadapi sewaktu PKP mengikut komoditi




Rajah 28.6: Lambakan produk pertanian semasa PKP




Rajah 28.7: Lambakan produk pertanian semasa PKP mengikut komoditi

Maklum balas responden juga memaklumkan bahawa 48.1% daripada mereka terpaksa melupuskan produk pertanian mereka yang tidak dapat dipasarkan (*Rajah 28.8*). Daripada jumlah tersebut, komoditi yang paling tinggi terpaksa melupuskan produk pertanian mereka ialah Tanaman sebanyak 49%. Kedua tertinggi pula adalah komoditi IAT (17%), Ternakan (13%), mempunyai lebih dua komoditi (12%) dan Perikanan (10%) seperti dalam *Rajah 28.9*.



Rajah 28.8: Melupuskan produk pertanian semasa PKP




Rajah 28.9: Melupuskan produk pertanian semasa PKP mengikut komoditi


Operasi para petani juga semestinya secara tidak langsung akan terjejas sepanjang PKP ini berlangsung. Majoriti responden menyatakan bahawa mereka masih dapat meneruskan operasi mereka tetapi dalam dua kategori iaitu dengan berada pada tahap pengeluaran normal (51.2%) dan beroperasi pada tahap pengeluaran minimum (17.2%) yang membawa kepada 68.4% secara keseluruhan yang oleh beroperasi. Perbezaan antara dua kategori ini adalah yang mana bagi yang beroperasi pada tahap pengeluaran normal, mereka masih berupaya menghasilkan produk pertanian mereka seperti biasa

seperti sebelum PKP dan bagi yang mengeluarkan produk pertanian secara tahap pengeluaran minimum, mereka ini adalah mereka yang beroperasi untuk sekadar memastikan boleh menanggung kos-kos operasi seperti gaji, sewa dan pinjaman. Manakala 31.6% daripada keseluruhan menyatakan bahawa mereka tidak dapat meneruskan operasi sementara waktu sepanjang PKP berlangsung (Rajah 28.10).

Rajah 28.11 menunjukkan bahawa komoditi Tanaman dan Perikanan merupakan komoditi yang tertinggi iaitu sebanyak 74% yang masih meneruskan operasi mereka sepanjang PKP dan bagi komoditi Ternakan dan IAT pula pada 63% tanpa mengambil kira tahap pengeluaran mereka. Namun begitu, jika dilihat berdasarkan kepada tahap pengeluaran pula, komoditi tanaman adalah komoditi yang paling tinggi yang terpaksa meneruskan pengeluaran mereka pada tahap pengeluaran minimum iaitu pada 21%, diikuti Ternakan (20%) dan Perikanan (19%). Bagi komoditi IAT, hanya 10% daripada mereka yang terpaksa mengeluarkan produk mereka pada tahap minimum.




Rajah 28.10: Status operasi semasa PKP




Rajah 28.11: Status operasi semasa PKP mengikut komoditi

Kelangsungan operasi para petani, penternak dan usahawan ini sangat bergantung pada keupayaan jualan mereka semasa PKP ini. Kesan daripada PKP ini, dua kaedah jualan menjadi pilihan iaitu jualan atas talian (merangkumi jualan secara *cash on delivery* (COD), penggunaan khidmat penghantaran seperti Shopee, Lazada dan lain-lain) dan jualan secara konvensional (jualan secara bersemuka dan datang ke premis). Majoriti responden (68.8%) telah aktif menjual atas talian sepanjang PKP. Baki 31.2% masih mengekalkan kaedah jualan secara konvensional (*Rajah 28.12*). Majoriti yang menggunakan kaedah jualan secara atas talian ialah komoditi tanaman (37%), IAT (29%), Ternakan (15%), dan Perikanan (10%) seperti dalam *Rajah 28.13*.




Rajah 28.12: Kaedah jualan semasa PKP




Rajah 28.13: Kaedah jualan secara atas talian semasa PKP mengikut komoditi

Perbezaan harga jualan juga didapati berlaku yang mana terdapat penurunan harga bagi setiap komoditi yang mana komoditi Tanaman di dapati mempunyai purata penurunan harga tertinggi sebanyak 30% diikuti Perikanan (13%), Ternakan (11%) dan IAT (3%) (*Rajah 28.14*).

Selain daripada maklumat semasa PKP diambil, dua soalan iaitu berkaitan persepsi mereka berkenaan operasi dan kaedah jualan mereka juga ditanya sekiranya PKP ditamatkan mengikut perancangan iaitu pada 3 Mei 2020. Maklum balas menunjukkan bahawa mereka akan terus beroperasi sama ada secara pengeluaran normal ataupun minimum. Ini dapat dilihat juga yang mana, mereka yang menghentikan operasi sewaktu PKP telah menurun daripada 32% ke 8.1% secara keseluruhannya seperti dalam *Rajah 28.15*.




Rajah 28.14: Purata peratus perbezaan harga jualan semasa PKP dibandingkan dengan sebelum PKP



Rajah 28.15: Perbandingan status operasi pengeluaran secara keseluruhan dan mengikut komoditi semasa dan selepas PKP

Manakala bagi kaedah jualan pula, jualan secara atas talian selepas PKP dijangka akan mengalami sedikit kemerosotan iaitu daripada 68.8% ke 51.5% secara keseluruhan. Namun begitu, kaedah jualan secara atas talian masih menjadi pilihan walaupun selepas PKP berakhir. Peningkatan daripada 31.2% ke 48.5% terhadap kaedah jualan konvensional menunjukkan bahawa responden masih cenderung untuk menggunakan kaedah konvensional yang kemungkinan akan meningkat kembali seperti biasa setelah PKP ditamatkan (Rajah 28.16).



Rajah 28.16: Perbandingan kaedah jualan secara keseluruhan dan mengikut komoditi semasa dan selepas PKP

28.5. RUMUSAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa isu utama sewaktu PKP adalah berkaitan pemasaran yang mana saluran pasaran konvensional terjejas mengakibatkan kesukaran menjual produk pertanian seterusnya menimbulkan isu lambakan dan pelupusan hasil tersebut. Ini sekali gus menyebabkan kerugian kepada petani yang mengakibatkan pendapatan dan modal pusingan mereka terjejas. Walaupun majoriti responden masih beroperasi sepanjang PKP ini tetapi mereka beroperasi pada tahap pengeluaran minimum (di bawah tahap pengeluaran normal) hanya sekadar untuk mengekalkan operasi mereka sahaja. Perubahan kaedah jualan daripada jualan secara langsung kepada jualan atas talian

merupakan alternatif yang digunakan oleh responden sepanjang PKP. Namun begitu, terdapat perbezaan purata harga jualan bagi produk-produk pertanian menyukarkan mereka untuk terus berdaya maju dalam pasaran sewaktu PKP. Pandangan responden selepas berakhir PKP pula menyatakan bahawa mereka masih boleh beroperasi tetapi dengan kembali kepada kaedah jualan langsung seperti sebelum PKP.

Melihat kepada keadaan sedemikian, beberapa pandangan yang perlu diambil tindakan sewaktu dan selepas PKP ini seperti:

- 1) Memastikan rantaian pasaran tidak terputus atau terjejas bagi memastikan produk-produk pertanian dapat dijual kepada pihak pemborong dan pengguna bagi mengelak lambakan berlaku.
- 2) Membantu para peniaga untuk terus berdaya saing selepas PKP dengan bantuan tunai kewangan kerana majoriti menyatakan mereka hanya mampu untuk beroperasi pada tahap pengeluaran minimum kerana tidak mempunyai modal pusingan tunai untuk terus beroperasi pada tahap normal.
- 3) Menggalakkan dan meyakinkan usahawan tani untuk terus menggunakan pendekatan jualan atas talian bagi memberikan peluang untuk meneroka pasaran baru sejajar dengan revolusi Industri 4.0 yang berpaksikan teknologi digital. Dalam masa yang sama platform pemasaran atas talian yang disediakan oleh kerajaan atau pihak swasta perlu dapat meyakinkan usahawan bahawa ia lebih menguntungkan dan meningkatkan daya saing produk mereka. Inisiatif pemasaran atas talian juga sedikit mengurangkan isu kebergantungan kepada orang tengah.

28.6. PENGHARGAAN

Penghargaan atas kerjasama dan komitmen semua terutama daripada YBhg Datuk Ketua Pengarah MARDI, Pengarah Pusat ES, Tn. Hj. Tapsir Serin, Pegawai dan staf Pusat ES terutama Program ES2 serta penglibatan dari Pusat Tanggungjawab MARDI. Penghargaan juga ditujukan khas kepada Dr. Idris Ismail, En. Sazali, En. Yee Che Hua daripada MAFI dan juga kepada pegawai-pegawai daripada agensi-agensi serta Jabatan di bawah MAFI yang sama-sama terlibat terutama semasa survei dan projek dijalankan.

28.7. RUJUKAN

- Ahmad Ashraf, S. (2020), *Protecting the Agriculture Sector During the Covid-19 Crisis*. Khazanah Research Institute (KRI) Views. Diakses dari http://www.krinstitute.org/Views-@-Protecting_the_Agriculture_Sector_During_the_Covid-19_Crisis.aspx
- Department of Statistics Malaysia (2020). *Laporan Survei Khas Kesan Covid-19 Kepada Ekonomi dan Individu (Pusingan 1)*. Diakses dari https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/covid-19/Analisis_Survei_Khas_Kesan_COVID-19_Kepada_Ekonomi_dan_Individu- Laporan_Penuh.pdf
- FAO (2020). *Coronavirus disease 2019 (COVID-19) Addressing the impacts of COVID-19 in food crises (April–December 2020), FAO's component of the Global COVID-19 Humanitarian Response Plan*. Diakses dari <http://www.fao.org/3/ca9192en/ca9192en.pdf>
- Hairuddin, M.A., Ahmad Zairy, Z.A., Khairul Fithri, A.R. dan Syahrin, S. (2020). *Agriculture Food Supply Chain Scenario during the COVID-19 Pandemic in Malaysia*. Diakses dari <https://ap.ffc.org.tw/article/2679>
- MARDI (2020). *Laporan Kesan PKP dan PKPB terhadap golongan sasaran industri pertanian dan makanan*, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Unpublish report.